

Salcon yakin pertu

UM 13 JAN 2004

KUALA LUMPUR 12 Jan. — Salcon Bhd. optimistik dengan masa depan kumpulan setelah perkembangan terkini dalam industri air dan kumbahan di peringkat dalam dan luar negara yang melengkapkan inisiatif strategik yang ditetapkan oleh pihak pengurusan.

Pengerusinya, Tan Sri Razali Ismail berkata, kerajaan memberi penekanan yang lebih dalam pembangunan infrastruktur air dalam negara. Sektor air telah dikenalpasti sebagai yang diberi keutamaan untuk pembangunan di Rancangan Malaysia Ke-8 (RMK8).

Salcon terlibat dalam mereka bentuk, membina, menjalankan operasi dan mengekalkan air bersih perbandaran, kumbahan dan kemudahan air sisa buangan.

“Sejumlah RM3.97 bilion telah diperuntukan bagi sektor air di bawah RMK8, yang merupakan 66 peratus lebih tinggi daripada perbelanjaan kerajaan di bawah RMK7,” katanya dalam laporan tahunan pertama syarikat dan kumpulan untuk tempoh mulai tarikh diperbadankan pada 31 Julai, 2003, dikeluarkan hari ini.

mbuhan industri air

Katanya, kerajaan telah membangunkan rancangan di bawah Pelan Induk Sumber Air Negara di mana kerja-kerja pembangunan dijangka bernilai RM51.9 bilion bagi tempoh 50 tahun (2000-2050).

Pada Julai 2003, Menteri Kerja Raya Datuk Sri S. Samy Vellu mengumumkan bahawa Kerajaan Persekutuan akan mengawal pengurusan air daripada kerajaan negeri akhir 2003 selepas berbincang mengenai perkara itu pada mesyuarat Majlis Air Kebangsaan yang diadakan di Putrajaya, dengan dipengerusikan

oleh Perdana Menteri ketika itu, Tun Dr. Mahathir Mo-hamad.

“Kami juga melihat kepada peluang dalam air bukan sumber (NRW) memandangkan ia menangani isu kebororan paip dan memastikan kecekapan pengagihan air yang dikeluarkan.

“Dalam RMK8, kerajaan memperkenalkan strategi penjimatan dan pengurusan permintaan bagi mengurangkan NRW daripada 39 peratus pada tahun 2000 kepada 31 peratus pada 2005,” katanya.